

02/11/2003

Pak Lah diyakini semua pihak

Misiah Taib; Hafizah Iszahanid

KUALA LUMPUR: Pemimpin politik dan kesatuan menyifatkan pemilihan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri kelima, sebagai tepat dan sesuai pada masanya bagi meneruskan kesinambungan politik dan menguruskan kejayaan negara.

Pak Lah juga disifatkan sebagai pemimpin bersikap sederhana, mesra rakyat berpengalaman serta berlatarbelakangkan pendidikan agama yang kukuh.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata latar belakang Pak Lah dalam bidang agama menjadikan beliau tokoh paling sesuai dalam menerajui negara untuk mendepani cabaran serta ancaman yang dihadapi umat Islam dewasa ini.

Katanya, penekanan yang dijanjikan Pak Lah iaitu untuk mengurus kejayaan seperti yang pernah disuarakannya ketika merasmikan perhimpunan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno Jun lalu juga, satu pendekatan terbaik ke arah memajukan bukan saja negara, malah bangsa Malaysia.

"Peralihan kuasa secara aman dan mendapat sokongan padu rakyat Malaysia ini pasti memberi keyakinan berterusan kepada kerajaan BN, terutama kepemimpinan Pak Lah selepas ini," katanya.

Ketua Pergerakan Puteri Umno, Datuk Azalina Othman Said, berkata pemilihan Pak Lah adalah pelengkap kepada susun atur perancangan jangka panjang Dr Mahathir untuk memajukan Malaysia dan umat Islam di negara ini.

Beliau berkata, pemilihan Pak Lah amat tepat kerana latar belakang pendidikan dan pengalamannya dalam bidang politik serta pentadbiran.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob berkata, pelantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri kelima memang kena pada tempatnya.

"Harapan saya pada Pak Lah, beliau dapat menyatukan ahli Umno dan orang Melayu juga meneruskan perjuangan yang diasaskan Dr Mahathir," katanya.

Setiausaha Agung Parti Islam Semalaysia (Pas) Nasharuddin Mat Isa berharap Pak Lah akan memulihkan proses demokrasi di Malaysia.

"Saya harap Pak Lah mengkaji semula layanan terhadap negeri yang diperintah pembangkang. Selain itu menimbangkan semula sekatan pemberian permit untuk menganjurkan ceramah dan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," katanya.

Sementara itu aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata dengan kepintaran dan pengalaman beliau dalam bidang politik, kemahiran diplomatik dan berperwatakan tinggi Pak Lah dilihat sebagai pemimpin yang mampu membawa Malaysia mengharungi cabaran mendatang dan memimpin Malaysia ke arah pembangunan dan kemajuan lebih mantap.

"Pak Lah mewarisi negara yang moden dan progresif tetapi berhadapan dengan pelbagai cabaran politik dan ekonomi antaranya pilihan raya umum semakin hampir, cabaran menarik pelabur asing serta meningkatkan daya saing ekonomi," katanya

Presiden MCA, Datuk Ong Ka Ting, berkata masyarakat Cina menerima baik pelantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri kerana mereka mengenali Pak Lah sebagai seorang yang bersikap sederhana, prihatin kepada masalah rakyat dan berpegang teguh kepada prinsip.

"MCA juga menaruh keyakinan penuh kepada kepemimpinan Pak Lah dan kami yakin BN akan bertambah kuat di bawah kepemimpinan beliau," katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayveas, menyifatkan Pak Lah seorang yang berperwatakan tenang dan penyabar, ciri-ciri yang

juga dimiliki Dr Mahathir.

"PPP memberi sokongan penuh kepada pelantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri dan yakin beliau berupaya meneruskan kecemerlangan Dr Mahathir serta meletakkan negara pada asas lebih kukuh.

Penganalisis politik, Abdul Razak Baginda, berkata pemilihan Pak Lah sebagai Perdana Menteri amat tepat pada masanya apa lagi dalam keadaan negara berdepan dengan beberapa isu.

Beliau yang juga Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC) berkata, penyerahan tampuk kepemimpinan kepada Pak Lah dengan sendirinya meletakkan Malaysia dalam `tangan yang selamat'.

Dari segi cabaran yang dihadapi umat Islam dan sikap pelampau agama, Pak Lah kata beliau, adalah pilihan terbaik kerana beliau disegani termasuk oleh pembangkang.

Abdul Razak berkata, Pak Lah mempunyai personaliti yang bersih dan bersikap peramah serta mesra rakyat

Seorang lagi penganalisis politik yang juga Pensyarah Jabatan Sejarah Universiti Malaya, Prof Datuk Dr Ramlah Adam, berkata Pak Lah mempunyai gaya kepemimpinan agak berbeza berbanding empat Perdana Menteri sebelumnya.

Beliau berkata, sepanjang penelitiannya, Pak Lah mempunyai kematangan mengendalikan isu besar dalam keadaan tenang dan bersahaja.

"Pak Lah tidak nampak terlalu agresif tetapi berpendirian tegas. Bila beliau membuat keputusan dengan mudah, orang juga menerima keputusan itu dengan mudah. Itulah cara Pak Lah," katanya.

Prof Dr Ramlah berkata, Pak Lah berpengalaman luas dalam bidang pentadbiran dan pernah diberi kepercayaan memegang portfolio penting dalam kabinet seterusnya Timbalan Perdana Menteri, dan ini menjadikan beliau cukup matang untuk berhadapan dengan apa juga situasi.

"Pak Lah pernah diberi kepercayaan memegang portfolio sebagai Menteri Pelajaran, Menteri Pertahanan, Menteri Luar dan Menteri Dalam Negeri, yang mana kesemua portfolio itu boleh dianggap sebagai `nyawa negara'.

"Ditambah lagi dengan latar belakang agama beliau yang cukup meyakinkan. Keseimbangan ilmu agama dan pengalaman luasnya dalam perkhidmatan awam, pentadbiran dan politik, di samping sikap KeMelayuannya yang kukuh, menjadikan beliau lebih kuat dalam mengendalikan isu besar, isu politik dan negara," katanya.